

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR BERHUBUNG SEMAKAN TARIF ELEKTRIK DI SEMENANJUNG, SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN BAGI TEMPOH 1 JULAI HINGGA 31 DISEMBER 2015**

---

**PUTRAJAYA, 25 Jun 2015** – Jemaah Menteri pada hari Rabu telah memutuskan tiada kenaikan tarif elektrik bagi Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi tempoh semakan ICPT (*Imbalance Cost Pass-Through*) mulai 1 Julai hingga 31 Disember 2015.

Berikut ini, rebat ICPT sebanyak 2.25 sen/kWj bagi Semenanjung Malaysia dan penurunan purata kadar tarif sebanyak 1.20 sen/kWj bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan akan dikekalkan bagi tempoh tersebut.

Keputusan ini meliputi semua kategori pengguna kecuali pengguna domestik dalam lingkungan penggunaan 300/kWj dan ke bawah yang tidak terlibat dengan kenaikan tarif terakhir pada 1 Januari 2014.

Pada masa yang sama, selaras dengan langkah rasionalisasi subsidi tenaga oleh Kerajaan, pihak Kerajaan juga memutuskan harga gas asli berpaip (piped natural gas) di Semenanjung Malaysia dinaikkan sebanyak RM1.50/MMBtu iaitu daripada RM15.20/MMBtu kepada RM16.70/MMBtu berkuatkuasa mulai 1 Julai 2015.

Namun, kenaikan harga bahan api ini tidak akan memberi ke atas tarif elektrik dan pemberian rebat ini dapat diteruskan dengan adanya penjimatan ICPT bagi tempoh Januari hingga Jun 2015 sebanyak RM1,085.67 juta. Jumlah ini adalah termasuk penjimatan sebanyak RM300 juta hasil rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga (Power Purchase Agreement) dengan penjanaan kuasa bebas (IPP) generasi pertama.

Maka, penjimatan ini akan disalurkan kepada pengguna agar mereka dapat terus menikmati tarif elektrik pada kadar yang sedia ada.

Mekanisme ICPT dilaksanakan sejak 1 Januari 2014 di Semenanjung Malaysia, dan membolehkan Kerajaan menyemak kadar tarif elektrik setiap enam bulan dengan mengambil kira perubahan harga gas asli berpaip, gas asli cecair (LNG), arang batu, ‘medium fuel oil’, ‘distillate’ dan kos penjanaan lain seperti yang berkaitan dengan PPA, ‘displaced cost’ daripada Tenaga Boleh Baharui dan kos pembelian tenaga elektrik daripada negara luar.

Penjimatan ICPT berjumlah RM1,085.67 juta bagi Semenanjung Malaysia ini juga adalah hasil peningkatan penggunaan arang batu yang harganya secara relatif lebih

rendah berbanding bahan api lain iaitu gas asli berpaip dan LNG, peningkatan kecekapan loji-loji janakuasa arang batu dan penurunan permintaan unit elektrik dari awal hingga pertengahan tahun 2015.

Kesan pelaksanaan mekanisme ICPT ini adalah neutral kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan tidak akan mempunyai apa-apa kesan kepada operasi perniagaan syarikat serta kedudukan kewangannya.

Bagi Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, keputusan adalah untuk mengekalkan subsidi tarif elektrik sebanyak 1.20 sen/kWj bagi semua kategori pengguna kecuali pengguna domestik dalam lingkungan penggunaan 300/kWj dan ke bawah yang tidak terlibat dengan kenaikan tarif elektrik terakhir pada 1 Januari 2014.

Mekanisme ICPT tidak dilaksanakan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Ini bermakna Kerajaan Persekutuan akan mengekalkan pemberian subsidi bahan api dan subsidi sokongan tarif elektrik yang dianggarkan berjumlah RM685 juta bagi tahun ini bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kesan pemberian subsidi tarif elektrik ini adalah neutral kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan tidak akan mempunyai apa-apa kesan kepada operasi perniagaan syarikat serta kedudukan kewangannya.

Kerajaan Persekutuan amat peka dan sentiasa meningkatkan usaha dalam memastikan kadar tarif elektrik adalah berpatutan. Penentuan tarif elektrik yang berlandaskan unsur-unsur kecekapan dan kos efektif amat penting khususnya bagi menjaga kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat serta menyokong kemakmuran ekonomi Negara.

Kerajaan juga akan terus memantau perkembangan dalam kos bahan api dan kos penjanaan yang lain sehingga Januari 2016 apabila semakan baru akan dibuat. Dalam pada itu, Kerajaan berharap pengguna-pengguna dapat menggunakan elektrik secara berhemah dan mengelakkan pembaziran, termasuk melalui amalan kecekapan tenaga kerana harga bahan api sentiasa berubah selaras dengan situasi global.

Bagi Negeri Sarawak, industri bekalan elektrik, termasuk isu-isu berkaitan tarif elektrik, tidak dikawal selia oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air mengikut Seksyen 1(2), Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447].

- Tamat -

**DIKELUARKAN OLEH:**  
**KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**